

DATE: 21/8/2008

Bendera terbalik tak patriotik

BH-21/8/2008

PM anggap biadab penganjur kempen pasang Jalur Gemilang langgar protokol

Oleh Nasir Abd Wahab
anasir@bharian.com.my

MELAKA: Penganjur kempen mengibarkan Jalur Gemilang secara terbalik sempena sambutan Hari Kebangsaan Ke-51 disifatkan sebagai biadab dan kurang ajar.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata perbuatan itu sebenarnya menghina negara dan tindakan tegas akan diambil jika pihak terbabit benar-benar melakukannya menjelang Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini.

"Itu perbuatan kurang ajar, apa yang mereka marah sangat dengan bendera Malaysia. Penganjur kempen berkenaan memang sengaja nak jadikan orang susah," katanya selepas perasmian Jambori Pengakap Keamanan Antarabangsa Ketiga di Dataran Pahlawan, Bandar Hilir, di sini semalam.

Hadir sama Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam merangkap Presiden Majlis Pengakap Negeri; Ketua Pengakap Negara, Datuk Seri Shafie Mohd Salleh dan Presiden Kesatuan Pengakap Islam Antarabangsa, Prof Dr Abdullah Omar Naseef.

Abdullah berkata, perbuatan mengibarkan Jalur Gemilang secara terbalik perlu disekat dan tidak dibenarkan sama sekali kerana ia boleh dikenakan tindakan menghina negara walaupun ada yang menganggap ia sebagai perbuatan nakal ataupun tidak sengaja.

Katanya, polis akan mengambil tindakan tegas ter-



MESRA: Abdullah melihat pingat yang diperoleh Khalid Al-Harthy, 17, dari Arab Saudi selepas Majlis Pembukaan Rasmi Jambori Pengakap Keamanan Antarabangsa Ketiga di Dataran Pahlawan, Bandar Hilir, semalam.

hadap mana-mana individu yang cuba menganjurkan kempen negatif itu kerana ia jelas menghina negara.

Abdullah mengulas ura-ura beberapa kumpulan tertentu yang merancang menjalankan kempen berkenaan sebagai tanda protes terhadap dakwaan kelemahan kerajaan Barisan Nasional (BN) menangani politik dan kekwatan ekonomi negara.

Difahamkan, penganjurannya cuba mempengaruhi rakyat mengikut jejak nega-

“ Itu perbuatan kurang ajar, apa yang mereka marah sangat dengan bendera Malaysia. Penganjur kempen sengaja nak jadikan orang susah ”

**Abdullah Ahmad
Badawi**
Perdana Menteri

tif mereka dengan menyebarkan artikel mengenai kempen itu menerusi laman web yang dikendalikan beberapa penulis blog di negara ini.

Sementara itu, Perdana Menteri meminta semua pekerja parti pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh tidak melakukan sebarang provokasi sehingga mencetuskan pergaduhan.

"Saya harap perjalanan kempen tidak terganggu dengan kejadian rusuhan. Kalau adapun perang mulut, itu

perkara biasa. Cuma saya ingatkan mereka jangan cetuskan masalah sehingga mengganggu proses pemuangan undi," katanya.

Abdullah berkata, ejen parti juga perlu profesional ketika berkempen dan tidak menghalang atau menakutkan pengundi untuk menunaikan hak mereka.

Katanya, petugas parti perlu menjaga tata susila sepanjang berkempen selaras peruntukan undang-undang pilihan raya.